

D.R. 11/94

Naskhah **Sahih**—**Bahasa** Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas.
2. Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam teks bahasa kebangsaan— Pindaan am dalam teks bahasa kebangsaan. Akta 5.
 - (a) dengan menggantikan perkataan "saksi" dalam subseksyen 11(3) dengan perkataan "sanksi"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "kereta" di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan "kenderaan".
3. Subseksyen 14(1) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 14.
 - (a) dengan memasukkan selepas perkataan "di tempat itu" perkataan "dan ejen atau ejen-ejen

mengira yang dilantik untuk menghadiri pengiraan undi di tempat itu";

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "undi" perkataan "pengundi-pengundi pos"; dan
- (c) dengan menggantikan proviso dengan proviso yang berikut:

"Dengan syarat bahawa ketua tempat mengundi atau pegawai pengurus, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menghadkan bilangan ejen mengira bagi setiap calon."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 ("Akta").

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan membetulkan kesilapan terjemahan yang terdapat dalam teks bahasa kebangsaan Akla.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen 14(1) Akta untuk menghendaki ejen pilihanraya memberitahu ketua tempat mengundi dan pegawai pengurus nama dan alamat ejen mengira di bawah pengawasan pegawai yang relevan. Pindaan ini adalah berbangkit daripada peruntukan yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Penjalanan Pilihanraya) 1981. *Fasal* ini juga bertujuan membuat penjelasan bahawa berhubungan dengan pegawai pengurus, ejen mengira ertinya ejen mengira undi pos. Ia juga bertujuan menggantikan proviso. Proviso baru yang dicadangkan memberi ketua tempat mengundi dan pegawai pengurus kuasa untuk menghadkan bilangan ejen mengira bagi setiap calon.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1663.]